

REAKSI EMOSI PELAJAR TAHUN AKHIR FAKULTI PENGAJIAN ISLAM DALAM PEMBELAJARAN ATAS TALIAN KETIKA PANDEMIK COVID-19

FINAL YEAR STUDENTS OF ISLAMIC STUDIES EMOTIONAL RESPONSE TOWARDS ONLINE LEARNING DURING COVID-19 PANDEMIC

Nik Siti Hajar¹ & Latifah A.M²

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

nikhajar98@gmail.com¹

ABSTRACT

Covid-19's expansion has turned into a global crisis, affecting the economic, social, and educational sectors, including Malaysia. Students were thus instructed to return to their respective hometowns, and the sphere of education, particularly in higher education institutions, has quickly moved from physical lectures to online lectures. As a result, excessive online learning for students disrupts their lives, particularly their emotions. Thus, the purpose of this essay is to investigate the pupils' emotional responses and the factors that influence them. A quantitative approach with descriptive analysis was employed using a sample group of 214 full-time and part-time final year students, with data acquired via online questionnaires and examination of existing records. Students are more likely to participate in face-to-face learning than online learning, according to the findings. However, online learning education improves pupils' academic achievement. Furthermore, research demonstrates that family and peer variables favourably influence students' emotional reactions, whereas environmental factors negatively influence students' emotional reactions. As a result, because online learning contributes to students' academic success, this study believes that students will be able to adjust and regulate their emotions in the new regular learning process because both learnings can benefit students.

Keywords: *Emotions, Students, Islam, Online Teaching and Learning, Covid-19.*

ABSTRAK

Penularan wabak Covid-19 menjadi satu malapetaka besar bagi masyarakat dunia termasuk negara Malaysia kerana memberi kesan terhadap sektor ekonomi, sosial dan pendidikan. Bidang pendidikan khususnya institusi pengajian tinggi juga mengalami peralihan pembelajaran daripada kuliah fizikal kepada kuliah atas talian apabila pelajar mula diarahkan untuk pulang ke kampung halaman masing-masing. Namun, akibat terlalu lama pembelajaran atas talian dalam kalangan pelajar, mula timbulnya gangguan terhadap pelajar terutamanya dari sudut emosi pelajar. Justeru, artikel ini mengenal pasti reaksi emosi pelajar dan faktor yang mempengaruhi emosi pelajar dalam pembelajaran atas talian ketika pandemik Covid-19. Metod kuantitatif diaplikasikan dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data. Persampelan rawak mudah melibatkan 214 orang pelajar tahun akhir sepenuh masa dan separuh masa dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati pelajar cenderung untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka berbanding atas talian. Namun, pembelajaran atas talian turut memberikan impak positif ke atas pencapaian akademik pelajar. Kajian juga menunjukkan bahawa faktor keluarga dan faktor rakan sebaya mempengaruhi reaksi emosi pelajar secara positif manakala faktor persekitaran mempengaruhi reaksi emosi pelajar secara negatif. Oleh itu, kajian ini berharap

agar pelajar dapat menyesuaikan diri dan mengimbangi emosi dalam proses pembelajaran norma baharu sama ada secara bersemuka mahupun atas talian kerana kedua-dua proses pembelajaran dapat memberi manfaat kepada pelajar.

Kata Kunci: Emosi, Pelajar, Islam, Faktor, Pengajaran dan Pembelajaran atas Talian, Covid-19.

PENDAHULUAN

Pada Januari 2020, Virus Corona 2019 (Covid-19) telah melanda negara Malaysia. Penularan wabak Covid-19 ini menjadi satu malapetaka besar bagi masyarakat dunia kerana memberi kesan yang besar terhadap sektor ekonomi, sosial dan pendidikan. Maka, kesemua sektor awam dan swasta di Malaysia terpaksa ditutup berikutan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negeri di Malaysia. Penguatkuasaan perintah ini menyebabkan penutupan institusi-institusi pendidikan sekolah kerajaan dan swasta daripada peringkat rendah, menengah dan tidak terkecuali peringkat pengajian tinggi bagi mengawal penyebaran penyakit secara langsung kepada pelajar dan juga pendidik (Fairuz Jafar et al. 2020).

Oleh yang demikian, berikutan pengisytiharan penularan wabak Covid-19 oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), pandemik Covid-19 telah memberi kesan yang buruk terhadap kesihatan, pendidikan dan ekonomi yang mengubah banyak aspek dalam kehidupan masyarakat terutamanya kepada para pelajar. Hal ini kerana, peralihan pembelajaran mula berubah secara tiba-tiba daripada kuliah fizikal kepada kuliah ruang maya dan pelajar mula diarahkan untuk pulang ke kampung halaman masing-masing (Siti Astri et.al. 2022). Pada awalnya, pembelajaran ruang maya atau lebih dikenali secara atas talian dilihat dapat melatih kemahiran diri pelajar untuk bersikap lebih matang dalam pengurusan pembelajaran namun, disebabkan PKP terlalu lama dan pembelajaran atas talian masih diteruskan, ia menimbulkan gangguan dalam kalangan pelajar khususnya emosi pelajar menjadi tidak terkawal kerana pembelajaran atas talian membawa banyak kejutan bukan sahaja kepada pelajar malah kepada ibu bapa juga (Yamini Chandra 2020).

Maka, masalah kawalan emosi dalam pembelajaran secara atas talian merupakan satu perkara yang penting yang perlu dititik beratkan oleh semua pihak kerana pelajar merupakan satu tonggak pewaris yang akan menentukan hala tuju negara dalam mempengaruhi sosial, politik dan juga ekonomi pada masa akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini membincangkan lima topik penting yang menjadi aspek dalam pembinaan kajian. Antaranya adalah konsep emosi dalam Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan emosi, kesan-kesan emosi tidak terkawal dan cara pengawalan emosi menurut Islam.

Konsep Emosi Dalam Islam

Menurut Syafiqah dan Najah (2020), emosi boleh dikatakan sebagai satu tindak balas dalaman yang terhasil melalui tindakan luaran secara fisiologi, ekspresi wajah, suara dan sebagainya. Ekspresi emosi adalah berkait dengan kesihatan mental yang mana ia melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup kerana dalam menjalani kehidupan yang sihat, kestabilan emosi, kesejahteraan mental dan kecergasan fizikal amatlah penting bagi diri pelajar. Firman dan Abdul Karim (2020) menyebut emosi ialah suatu kecerdasan yang melibatkan keupayaan dalam mengawal perasaan diri sendiri dan orang lain. Emosi secara tidak langsungnya

terbahagi kepada beberapa bahagian seperti kemarahan, kebencian, ketakutan, kesedihan, belas kasihan dan kekaguman.

Manakala dari sudut pandang Islam, emosi adalah satu perasaan yang berada dalam keadaan baik, positif dan stabil untuk mencapai kebahagiaan dan ketenangan menggunakan kaedah yang dianjurkan oleh Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah (Nurulaneeyamirah 2017). Kepelbagaian emosi turut disebutkan di dalam al-Quran seperti cinta, kasih, benci, sedih, gembira, takut, marah malu, menyesal, berasa hina, ketawa, dengki, permusuhan dan cemburu merupakan antara emosi yang dipaparkan dalam al-Quran (Mazlan, Fariza & Aguswan 2021). Imam al-Ghazali juga menyatakan bahawa *nafs* dan *roh* adalah penting dalam membentuk emosi jiwa manusia. Roh adalah elemen nyawa yang menghidupkan manusia tanpa bergantung kepada elemen lain dan jasad bergantung kepada roh. Kestabilan jiwa dan roh dalam Islam, menjadi tuntutan utama dalam kehidupan kerana dua elemen ini mampu mempengaruhi pembentukan emosi dan tingkah laku yang stabil (Abdul Rashid 2023).

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Emosi

Berdasarkan sorotan literatur yang dibuat, terdapat tiga faktor utama yang cenderung untuk mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran atas talian. Faktor-faktor ini boleh menyumbang kepada tekanan emosi pelajar seperti contoh, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor persekitaran pelajar.

Keluarga

Menurut Zuraidah et.al. (2019), gaya keibubapaan mempengaruhi kejayaan dalam pembelajaran anak-anak pada masa hadapan kerana ibu bapa merupakan satu faktor yang penting dalam memperbetulkan tingkah laku, perkembangan sosio ekonomi dan sahsiah diri anak-anak (Marhamah & Suhaila 2021). Namun begitu, didikan ilmu kepada anak-anak makin berkurang kerana ibu bapa mempunyai komitmen yang banyak. Tan dan Maizura (2020) menyatakan kebanyakan ibu bapa moden pada hari ini sibuk dengan pekerjaan mereka dan tidak mempunyai masa bersama dengan anak-anak kerana ibu bapa banyak memfokuskan kerjaya sehingga membiarkan anak-anak tanpa pemantauan (Jamiaah, Nurfarahain & Juwairiah 2020). Oleh itu, anak-anak mudah terpengaruh dengan perkara yang negatif akibat daripada didikan ibu bapa seperti dalam kajian Mariam et.al. (2021) membuktikan bahawa pengaruh ibu bapa merupakan antara faktor yang tertinggi dalam menjadikan anak-anak terlibat dengan salah laku akhlak.

Rakan Sebaya

Rakan sebaya merupakan individu yang rapat dengan pelajar. Peranan rakan sebaya bermaksud keupayaan rakan sebaya menjadi model sosial yang boleh dijadikan contoh dan boleh membina motivasi dalam pembentukan sahsiah pelajar (Yakcop 2017). Pemilihan rakan sebaya adalah penting supaya pelajar tidak terpengaruh dengan akhlak buruk rakan sebaya. Hal ini kerana, rakan sebaya membawa pengaruh yang besar kepada pembentukan jati diri pelajar. Rakan sebaya juga dapat mendorong untuk melakukan perkara yang baik dan tidak baik (Nurzatil et.al 2022). Kajian daripada Nor Jumawaton et.al. (2018) mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap tingkah laku seksual. Oleh yang demikian, rakan sebaya sangat diperlukan dalam kehidupan kita kerana banyak manfaat yang boleh diambil dari mereka namun, pelajar juga perlu berhati-hati dengan rakan sebaya supaya pelajar tidak terjebak dengan perkara-perkara yang bermasalah.

Persekitaran

Menurut Hazaila et al. (2021), perubahan pembelajaran tradisional iaitu bersemuka kepada pembelajaran secara atas talian sememangnya memberikan kesan sampingan terhadap pelajar. Antaranya, faktor persekitaran yang mempengaruhi keadaan pelajar apabila penjagaan fizikal dan kontak sosial perlu dikawal malah diperketatkan. Pelajar mula mengalami kesunyian kerana kurang interaksi sosial bersama rakan sebaya (Soon Mui & Shahlan 2021). Ma'alip et.al. (2021) menyebut bahawa persekitaran pembelajaran menjadi satu cabaran buat pelajar kerana komunikasi perbincangan pelajaran antara pelajar dan pelajar lain menjadi terbatas. Kajian Marhamah dan Suhaila (2021) juga turut menjelaskan bahawa pelajar menyatakan mereka berasa bosan kerana terpaksa melalui gaya hidup yang sangat terbatas serta terpaksa melalui norma baharu dan isolasi sosial dan fizikal. Mereka juga berasa tertekan dengan persekitaran mereka kerana interaksi sosial mereka menjadi terbatas.

Kesan-Kesan Emosi Tidak Terkawal

Tekanan emosi yang dialami oleh pelajar dapat memberikan pelbagai kesan yang negatif jika emosi mereka tidak dapat dikawal dengan baik. Antara kesan yang sering terjadi dalam kalangan pelajar adalah pelajar mengalami tekanan psikologi, tekanan akademik dan kemurungan.

Tekanan Psikologi

Tekanan psikologi boleh berlaku apabila pelajar tidak dapat mengawal emosi mereka dengan baik. Sapora, Khatijah & Othman (2013) menyatakan tekanan dalam perspektif psikologi Islam adalah mementingkan penglibatan hati (*al-Qalb*) dalam kehidupan seorang Muslim kerana hati merupakan sumber kerohanian yang ada dalam diri setiap manusia dan tekanan boleh dirawat dengan kaedah-kaedah spiritual Islam (Noor Izzati, Fariza & Adawiyah 2019). Manakala Ma'rof Redzuan (2001) dalam bukunya yang bertajuk Psikologi Sosial, tekanan datang apabila tubuh badan kita diancam oleh rangsangan fizikal dan emosi yang mana badan akan bergerak balas dengan menggerakkan sumber-sumbernya seterusnya memberikan satu perubahan dalam sistem fisiologi tubuh badan kita. Sarjana Barat juga menyebut, tekanan merupakan tindak balas individu terhadap ransangan yang keterlaluan yang boleh mengancam kehidupan (Noor Izzati, Fariza & Adawiyah 2019). Menurut Syibrah (2022), Kasmini menyatakan bahawa, tekanan yang berlaku boleh menyebabkan masalah psikologi kerana melibatkan perubahan emosi seperti tidak puas hati, mudah marah, kecewa, mudah putus asa dan sebagainya.

Tekanan Akademik

Perkara yang paling penting bagi seorang pelajar adalah prestasi akademik kerana prestasi akademik akan mencerminkan diri pelajar. Menurut Arif dan Sa'odah (2019), faktor akademik dikenal pasti sebagai faktor dominan yang boleh mendorong kepada tekanan dalam kalangan pelajar universiti sama ada dari sudut fizikal, sosial dan juga emosi. Oleh itu, jika emosi pelajar tidak dapat dikawal dengan baik, pelajar akan menghadapi tekanan dalam akademik akibat daripada tugas yang banyak diberikan oleh pensyarah dan juga persaingan dengan pelajar-pelajar lain. Dapatan kajian Sri Nurhayati, Fonny Dameati & Noor Aishah (2020) mendapati bahawa tekanan akademik, daya tindak dan adaptasi sosial budaya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi pelajar yang menyebabkan prestasi akademik pelajar menjadi lemah (Wafi Ramli & Sharifah Rohayah 2020).

Kemurungan

Kemurungan terjadi apabila pelajar mempunyai masalah yang berlarutan dalam tempoh pembelajaran yang panjang sepanjang pandemik. Pelajar mula untuk hilang fokus dalam

pembelajaran kerana terkesan dengan proses pembelajaran yang baharu. Masalah kemurungan mula timbul akibat terlalu lama belajar secara atas talian (Abdul Rashid et.al. 2020). Menurut Isabel et.al. (2021), pelajar universiti cenderung untuk mengalami kemurungan dan masalah tingkah laku negatif disebabkan oleh tekanan daripada pembelajaran. Oleh kerana kesukaran yang dialami, pelajar mula bimbang dengan prestasi akademik yang menyebabkan mereka mengalami masalah kesihatan fizikal dan mental seperti kemurungan (Tuan Iqbal et.al. 2022). Dapatan kajian Soon Mui dan Shahlan (2021) mendapati bahawa pembelajaran atas talian membuatkan pelajar mengalami kemurungan yang membuatkan pelajar mudah panik dan ketinggalan dalam pelajaran.

Cara Pengawalan Emosi Menurut Islam

Islam menitikberatkan umatnya untuk mengawal emosi dengan kaedah yang betul. Pengawalan emosi yang dilaksanakan berlandaskan ajaran agama Islam boleh membuatkan pelajar lebih tenang dan dapat melaluinya dengan jalan yang terbaik. Antara cara yang boleh dilakukan oleh pelajar untuk mengendalikan emosi adalah dengan mengawal emosi dengan baik, membina jati diri yang teguh dan sentiasa berfikir ke arah positif.

Mengawal Emosi dengan Baik

Islam menggalakkan bahawa manusia mestilah mengawal emosi dengan baik dan umat Islam dilarang untuk menunjukkan emosi dalam keadaan marah kerana pembawaan emosi yang kurang baik boleh menjadikan kehidupan tidak tenteram (Harmalis 2022). Emosi yang stabil dapat dicapai jika pelajar boleh berwatakan tenang kerana sikap tenang dapat menjadikan fikiran pelajar lebih matang dan lebih mudah dalam mencari jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah yang dihadapi (Asep Andi & Imas 2021). Emosi yang baik dan terkawal mestilah dengan mendekati diri kepada Allah SWT dan perkara utama yang perlu dijaga adalah solat lima waktu kerana solat merupakan tunjang agama dalam kehidupan yang akan memperbaiki seluruh kehidupan dari segi ketakwaan, ketenangan dan juga kesabaran (Nurzatil Ismah et.al. 2022). Begitu juga dengan amalan zikir yang dapat mengingatkan kita kepada Allah sama ada dengan lisan atau hati kerana zikir merupakan penawar yang berkesan bagi penyakit rohani dan jasmani. Oleh yang demikian, amal ibadah perlu dititikberatkan supaya manusia akan lebih mendekati diri dengan Allah SWT dan memandu manusia untuk mengawal emosi dengan lebih baik (Abdul Rashid 2023).

Membina Jati Diri

Asas utama dalam pembentukan jati diri pelajar adalah keteguhan keimanan kepada Allah SWT. Keimanan boleh dicapai apabila pelajar mempunyai ilmu pengetahuan kerana ilmu dapat menjauhkan diri daripada perkara yang negatif. Jati diri dapat dibentuk apabila akidah yang dipegang adalah kukuh mengikut kepada kebenaran serta melalui keyakinan dan kekuatan iman dalam diri (Nurzatil & Zulkifli 2020). Maka, amalan nilai-nilai agama terbukti boleh menangani dan mencegah peningkatan isu kesihatan mental (Kamal Azmi et.al. 2021). Menurut Aisyah Humairak, Mariam dan Nurzatil (2022), untuk memperolehi keperibadian yang sempurna, mestilah melalui unsur peradaban yang Islam terapkan seperti menekankan aspek spiritual dan fizikal kerana kedua-dua aspek ini penting dalam pembentukan, pembinaan dan pembangunan jati diri remaja. Namun, kaedah pembangunan spiritual adalah lebih banyak menyumbang kepada pembentukan jati diri pelajar kerana aspek spiritual merupakan yang paling asas dalam Islam bagi membentuk sikap pelajar. Oleh itu, kefahaman Islam yang sebenar akan membentuk jati diri muslim yang kuat dalam mendepani cabaran dunia (Muhammad Afif et.al. 2019) dan jika pelajar mempunyai jati diri yang kuat, pelajar tidak akan mudah terpengaruh dengan persekitaran yang negatif (Nurzatil Ismah & Mohd Yakub 2019).

Berfikir ke Arah Positif

Antara prinsip penting dalam maqasid syariah adalah penjagaan akal. Agama Islam sangat mementingkan penjagaan akal kerana ia merupakan satu perkara yang bernilai. Akal dalam diri manusia dapat memandu manusia untuk berfikir dan mentaati Allah SWT kerana akal adalah sumber hidayah dan hikmah yang diberikan oleh Allah SWT (Awang, Hadenan & Abdul Razak 2021). Menurut Siti Khadijah et.al. (2022), Norhazirah menyatakan Covid-19 banyak memberi kesan terhadap kesihatan mental dan aspek psikologi pelajar seperti pemikiran pelajar. Maka, berfikir dari sudut positif adalah penting untuk meningkatkan kepercayaan dan optimis dalam diri. Fikiran yang positif dari sudut Islam adalah disebut dengan istilah *husnuzhon* iaitu kemampuan berprasangka baik kepada Allah SWT (Hardiyanti 2021). Hasil penelitian Rizka dan Siti Roshidah (2021) menyebut konsep kesihatan mental dalam Islam adalah apabila pelajar dapat mengawal diri dalam berfikir dan boleh berperilaku baik mengikut keadaan. Oleh itu, kemampuan pelajar berfikir ke arah positif boleh dicapai dengan adanya kemampuan spiritual melalui ibadah yang sempurna.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memilih pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan edaran soal selidik yang dijalankan ke atas sampel kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tahun akhir, Fakulti Pengajian Islam yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa dan separuh masa iaitu seramai 480 pelajar dengan saiz sampel seramai 214 pelajar mengikut jadual Krejcie Morgan (1970). Instrumen bagi kajian ini adalah dengan menggunakan soalan soal selidik yang diaptasi dan dimodifikasi dari kajian-kajian lepas dan seterusnya diedarkan kepada responden untuk dijawab menggunakan platform *Google Form*.

Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Skala yang digunakan dalam soal selidik adalah skala Likert yang dinilai dengan lima skala penilaian iaitu pilihan jawapan dalam bentuk skor 5,4,3,2 dan 1 yang merangkumi "Sangat Setuju (SS)", "Setuju (S)", "Kurang Setuju (KS)", "Tidak Setuju (TS)", "Sangat Tidak Setuju (STS)". Seterusnya skala Guttman yang menyediakan dua pilihan jawapan sahaja iaitu "Ya" dan "Tidak". Ujian rintis dijalankan sebelum pengumpulan data kajian dan Cronbach Alpha digunakan untuk menentukan indeks kebolehpercayaan instrumen kajian. Data kemudian dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi melihat perbezaan min dan peratus berdasarkan item-item yang dinilai. Selain itu, analisis ujian-T turut dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dijangkakan yang boleh mempengaruhi emosi pelajar.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Topik ini menghuraikan dapatan yang diperolehi menggunakan analisis kuantitatif. Hasil kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu perbincangan terhadap demografi responden, emosi pelajar dalam pembelajaran atas talian dan faktor-faktor yang mempengaruhi emosi pelajar. Selain itu, kajian ini turut membuat perbandingan emosi dari sudut demografi pelajar iaitu dengan membandingkan emosi pelajar sepenuh masa dan separuh masa serta perbandingan emosi pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar.

Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

Bil	Kategori	Bilangan	Peratus
1	Umur		
	20 hingga 23 tahun	143	66.8%
	24 hingga 26 tahun	69	32.2%
	27 tahun ke atas	2	0.9%
2	Jantina		
	Lelaki	70	32.7%
	Perempuan	144	67.3%
3	Kategori Ijazah		
	Sepenuh Masa	189	88.3%
	Separuh Masa	25	11.7%
4	Program Pengajian		
	Al-Quran & al- Sunnah	68	31.8
	Syariah	40	18.7
	Usuluddin & Falsafah	35	16.4
	Dakwah dan Kepimpinan	26	12.1
	Arab dan Tamadun Islam	45	21
5	Pendapatan		
	Kurang RM1500	68	31.8
	RM1501 hingga 3500	40	18.7
	RM 3501 hingga RM4500	35	16.4
	RM4501 hingga RM6000	26	12.1
	Lebih RM6001	45	21
6	Petempatan		
	Bandar	100	46.7%
	Luar Bandar	114	53.3%

Emosi Pelajar dalam Pembelajaran atas Talian

Jadual 2: Dapatan Emosi Pelajar dalam Pembelajaran atas Talian

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Tahap
1	Pembelajaran atas talian lebih seronok berbanding pembelajaran bersemuka	25 11.7%	38 17.8%	92 43%	42 19.6%	17 7.9%	2.94	Sederhana

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Tahap
2	Saya dapat menguruskan masa dengan baik ketika pembelajaran atas talian.	11 5.1%	28 13.1%	74 34.6%	69 32.2%	32 15%	3.39	Sederhana
3	Saya mengalami kekurangan masa untuk berehat selepas sesi kuliah	19 8.9%	36 16.8%	80 37.4%	59 27.6%	20 9.3%	3.11	Sederhana
4	Saya dapat mengikuti kuliah pembelajaran atas talian dengan baik	10 4.7%	27 12.6%	67 31.3%	87 40.7%	23 10.7%	3.40	Sederhana
5	Saya berasa lebih rajin dan konfiden apabila belajar atas talian	13 6.1%	37 17.3%	86 40.2%	59 27.6%	19 8.9%	3.16	Sederhana
6	Saya dapat mengawal emosi saya dengan baik dalam pembelajaran atas talian	11 5.2%	30 14.1%	79 37.1%	76 35.7%	17 8%	3.28	Sederhana
7	Pensyarah memandang tinggi terhadap kebolehan pelajar dalam menyiapkan tugas	3 1.4%	5 2.3%	48 22.4%	111 51.9%	47 22%	3.9	Tinggi
8	Saya diberi tugas yang banyak oleh	5 2.3%	12 5.6%	62 29%	88 41.1%	47 22%	3.7	Tinggi

Reaksi Emosi Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pengajian Islam Dalam Pembelajaran Atas Talian Ketika Pandemik Covid-19

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Tahap
	pensyarah untuk disediakan							
9	Fikiran saya menjadi terganggu kerana merasakan beban kerja yang terlalu banyak	10 4.7%	11 5.1%	58 27.1%	97 45.3%	38 17.8%	3.7	Tinggi
10	Minda dan badan saya menjadi penat dan letih kerana penggunaan skrin komputer terlalu lama	5 2.3%	11 5.1%	24 11.2%	80 37.4%	94 43.9%	4.2	Tinggi
11	Soalan peperiksaan yang diberi selalu memberi tekanan kepada saya	13 6.1%	38 17.8%	94 44.1%	51 23.9%	17 8%	3.1	Sederhana
12	Saya menjawab peperiksaan tanpa mempunyai persediaan yang cukup	16 7.5%	41 19.2%	80 37.4%	60 28%	17 7.9%	3.1	Sederhana
13	Masa untuk menjawab peperiksaan adalah singkat dan soalan yang diberi adalah susah	15 7%	45 21%	75 35%	56 26.2%	23 10.7%	3.1	Sederhana

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Tahap
14	Saya memahami setiap pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah	2 0.9%	22 10.3%	73 34.1%	97 45.3%	20 9.3%	3.5	Sederhana
15	Saya selalu memikirkan bahawa saya tidak lagi dapat meneruskan pembelajaran	38 17.8%	52 24.3%	56 26.2%	51 23.8%	17 7.9%	2.8	Sederhana

Berdasarkan analisis hasil kajian, dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran secara atas talian menjadikan pelajar mempunyai waktu yang lebih untuk berehat jika berada di rumah kerana tidak perlu berkejar-kejar ke dewan kuliah. Seterusnya, emosi pelajar ketika pembelajaran atas talian juga menunjukkan reaksi yang positif apabila pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan baik sekali. Hal ini boleh disandarkan kepada teknik yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran kerana ramai pelajar berpandangan bahawa penyampaian daripada pensyarah semasa sesi kuliah, dapat difahami dengan baik. Di samping itu, satu kelebihan lain kepada pelajar adalah prestasi akademik mereka menunjukkan impak yang cemerlang dan meningkat apabila keputusan pelajar ketika pembelajaran atas talian adalah lebih tinggi berbanding keputusan ketika pembelajaran bersemuka. Pelajar juga bersetuju bahawa soalan peperiksaan ketika mod atas talian tidak memberi tekanan malah pelajar mempunyai persediaan yang cukup ketika peperiksaan diadakan. Oleh yang demikian, dari huraian ini, dapat dilihat bahawa penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah berada di tahap yang baik kerana pembelajaran ini banyak memberikan impak positif kepada para pelajar.

Namun begitu, disebalik penerimaan pelajar dalam pembelajaran atas talian, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka. Hal ini disebabkan oleh pelajar menerima banyak cabaran baru sepanjang proses pembelajaran secara alam maya yang boleh memberikan tekanan emosi kepada pelajar. Antara implikasi daripada pembelajaran atas talian adalah emosi pelajar terganggu. Pelajar menyatakan bahawa pembelajaran secara bersemuka adalah lebih seronok berbanding pembelajaran secara atas talian. Hal ini kerana, pembelajaran maya lebih membebaskan pelajar kerana pelajar menerima lebih banyak tugas bagi menggantikan peperiksaan yang tidak dijalankan secara bersemuka. Pelajar juga mengakui bahawa mereka tidak dapat menguruskan masa dengan baik sewaktu masa kuliah. Di samping itu, pelajar berpandangan bahawa disebabkan pembelajaran atas talian dilihat lebih mudah, pensyarah memandang tinggi terhadap kebolehan pelajar untuk menyiapkan tugas yang banyak. Lantaran itu, bebanan yang lebih berat terpaksa ditanggung oleh pelajar yang menyebabkan minda pelajar terlalu penat untuk menyiapkan setiap tugas kerana mereka terlalu lama berhadapan dengan komputer. Maka, emosi pelajar mula terganggu disebabkan

tanggungjawab dalam pelajaran yang tidak dapat diselesaikan dengan baik dan seterusnya pelajar tidak dapat megawal emosi mereka dengan sempurna.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa reaksi emosi pelajar ketika pembelajaran atas talian menunjukkan mereka mempunyai reaksi positif dan reaksi negatif. Walaupun begitu, reaksi negatif dalam kalangan pelajar adalah lebih tinggi jika ingin dibandingkan dengan reaksi positif pelajar ketika pembelajaran atas talian.

Pengaruh Emosi Pelajar

Kajian ini melihat kepada tiga faktor utama yang boleh mempengaruhi reaksi emosi pelajar ketika pembelajaran atas talian iaitu faktor daripada keluarga, rakan sebaya dan juga persekitaran.

Persekitaran

Jadual 3: Taburan peratusan bagi mengenalpasti pengaruh daripada faktor persekitaran.

Bil	Item	Ya	Tidak
1	Persekitaran pembelajaran di rumah adalah sangat kondusif	46.3%	53.7%
2	Persekitaran pembelajaran di kolej adalah sangat kondusif	87.9%	12.2%
3	Internet di rumah membantu pembelajaran saya	68.7%	31.3%
4	Saya dapat menyiapkan tugas dengan cepat jika berada di rumah	41.6%	58.4%
5	Saya dapat menstabilkan antara pembelajaran dan penggunaan gajet	55.1%	44.9%

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran sahaja yang mempengaruhi reaksi emosi pelajar ketika pembelajaran atas talian. Hal ini kerana, majoriti pelajar sebanyak 87.9% bersetuju bahawa pembelajaran di kolej adalah lebih kondusif. Manakala 58.6% pelajar berpendapat bahawa mereka tidak dapat menyiapkan tugas dengan cepat jika persekitaran mereka adalah di rumah. Dapatan kajian ini menyokong kajian Norhana et. al. (2020) dalam kajiannya menyatakan pelajar mengakui akan kebosanan berada di rumah berbanding kebiasaan iaitu tinggal di institusi bersama rakan-rakan. Di samping itu, capaian internet ketika pembelajaran di rumah adalah dalam keadaan baik bagi pelajar namun, hasil kajian menunjukkan pelajar yang tinggal di luar bandar menghadapi cabaran iaitu capaian internet mereka kurang memuaskan kerana penempatan pelajar di kawasan luar bandar mempunyai kekurangan dari segi aksesibiliti kemudahan internet untuk urusan pembelajaran (Norhana et. al. (2020).

Rakan Sebaya

Jadual 4: Taburan peratusan bagi mengenalpasti pengaruh daripada faktor rakan sebaya.

Bil	Item	Ya	Tidak
1	Rakan menyumbang kepada pencapaian akademik saya	93%	7%
2	Rakan sering bertanya jika saya mengalami sebarang masalah dalam pembelajaran	76.6%	23.4%
3	Rakan sering bergantung pada saya dalam memulakan dan menyiapkan tugas	44.4%	55.6%
4	Saya berasa susah dalam melakukan perbincangan dengan ahli kumpulan	34.6%	65.4%
5	Saya berasa tertekan dengan ahli kumpulan saya kerana kurang respon dan gerak kerja lambat	45.8%	54.2%

Hasil kajian menunjukkan bahawa rakan sebaya tidak mempengaruhi reaksi emosi pelajar malah rakan sebaya sebenarnya banyak membantu pelajar. Peratusan berjumlah 76.6% bersetuju bahawa rakan sebaya sering menitikberatkan masalah kawan-kawan dalam pembelajaran. Selain itu, sebanyak 93% pelajar bersetuju rakan sebaya turut menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar ketika pembelajaran atas talian. Dapatan ini dilihat tidak signifikan dengan dengan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Izzat et. al. (2021) yang menyatakan keputusan peperiksaan pelajar adalah kurang memuaskan kerana tempoh pandemik yang memberikan tekanan kepada pelajar. Namun, dapatan ini signifikan dengan kajian Haziyah et.al. (2020) yang menunjukkan bahawa rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam akademik pelajar kerana dalam pembelajaran atas talian, pelajar banyak menggunakan media sosial untuk berbincang bersama rakan-rakan untuk tugas berkumpulan (min=4.65).

Keluarga

Jadual 5: Taburan peratusan bagi mengenalpasti pengaruh daripada faktor keluarga.

Bil	Item	Ya	Tidak
1	Saya berasa lebih bermotivasi apabila belajar di rumah	36%	64%
2	Saya berasa lebih bermotivasi apabila belajar di kolej	91.6%	8.4%
3	Saya dapat mengurus masa dengan baik antara belajar dan keluarga	61.7%	38.3%
4	Ahli keluarga saya sangat memahami kesibukan pembelajaran saya	81.3%	18.7%
5	Saya tidak terbeban dengan tugas walaupun mempunyai tanggungjawab terhadap ahli keluarga	57.5%	42.5%


Hasil kajian mendapati bahawa faktor keluarga juga tidak mempengaruhi emosi pelajar. Hal ini kerana, pelajar (81.3%) berpendapat bahawa ahli keluarga sangat memahami kesibukan pembelajaran mereka. Walaupun ahli keluarga memberi sokongan yang baik, pelajar (91.6%) masih cenderung bahawa mereka lebih bermotivasi dalam belajar ketika di kolej. Pelajar juga dapat menguruskan masa dengan baik ketika di rumah iaitu sebanyak 61.7% bersetuju namun, dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar dan sebagai seorang anak kepada keluarga, sebahagian pelajar (42.5%) merasa terbeban kerana perlu bertanggungjawab menguruskan kedua-dua perkara ini dalam satu masa. Maka, mereka mula tertekan disebabkan pelajar merasai bebanan ketika pelaksanaan pembelajaran di rumah (Norhana et. al. 2020).

Perbandingan Emosi Pelajar

Kajian ini membuat perbandingan emosi pelajar dari dua aspek iaitu emosi pelajar sepenuh masa dan separuh masa dan emosi pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar. Kajian ini memilih tujuh soalan yang mempunyai min tertinggi untuk dinilai berdasarkan soalan soal selidik bahagian kedua tentang emosi pelajar dalam pembelajaran atas talian.

Emosi Pelajar Separuh Masa dan Sepenuh Masa

Rajah 1: Taburan peratus emosi pelajar separuh masa dan sepenuh masa




Dapatan kajian menunjukkan bahawa emosi pelajar dalam kategori ijazah sepenuh masa adalah lebih tinggi peratusannya berbanding pelajar yang mengambil ijazah separuh masa. Namun, perbezaan peratusan di antara dua kategori ijazah ini tidak melebihi 6% dan majoritinya dalam anggaran 5% sahaja bagi setiap soalan yang dipilih. Berdasarkan perbandingan dibuat, dapat dilihat bahawa perbezaan jumlah peratusan ini adalah signifikan dari sudut emosi. Hal ini kerana kadar peratusan pelajar ijazah dari kategori separuh masa dan sepenuh masa mengalami emosi tidak jauh bezanya walaupun mereka mempunyai perbezaan dari sudut pembelajaran. Pembelajaran dalam dua kategori pelajar ini adalah tidak sama jika dilihat dari aspek jumlah jam kredit, jadual waktu belajar dan tugas akademik yang diberi.

Selain itu, perbandingan kedua-dua kategori ini juga menunjukkan data yang signifikan dengan jumlah min soalan. Hal ini merujuk kepada jumlah pelajar dalam perbandingan ini mempunyai perbezaan yang ketara iaitu pelajar sepenuh masa seramai 189 orang dan pelajar separuh masa seramai 25 orang. Walaupun dua kategori ini membawa jumlah pelajar yang berlainan, min daripada setiap jawapan yang dijawab oleh pelajar masih signifikan. Oleh yang demikian, reaksi emosi pelajar sepenuh masa dan separuh masa dalam pembelajaran atas talian adalah sama yang tidak ketara bezanya walaupun mereka berada dalam kategori pembelajaran yang berlainan.

Emosi Pelajar Bandar dan Luar Bandar

Rajah 2: Taburan peratus emosi pelajar bandar dan luar bandar



Hasil kajian mendapati kadar peratusan emosi pelajar luar bandar iaitu seramai 101 orang adalah lebih tinggi daripada pelajar yang berada di bandar iaitu seramai 114 orang. Namun, perbezaan ini tidak begitu ketara kerana nilai peratusan setiap soalan adalah tidak melebihi 12% tetapi hanya satu soalan sahaja yang menghampiri 18% iaitu 17.8%. Berdasarkan perbandingan yang dibuat, perbezaan peratus yang tertinggi ini adalah pada soalan bernombor enam iaitu 97.8% mewakili pelajar luar bandar dan 80% bagi pelajar bandar. Soalan ini menyatakan pelajar bersetuju bahawa minda dan badan pelajar menjadi penat dan letih kerana penggunaan skrin komputer terlalu lama. Hal ini disebabkan oleh, penggunaan skrin komputer yang berlebihan ketika pembelajaran atas talian akan menyebabkan keletihan pada mental dan fizikal pelajar kerana mata pelajar akan menjadi lebih tegang disebabkan oleh fokus mata yang tinggi dan berterusan. Otot mata pelajar akan bergerak secara berulang-ulang sewaktu membaca skrin komputer dan akan menjadi lebih penat jika dibuat dalam jangkaan masa yang lama. Masalah ini berbeza dengan pembelajaran melalui buku dan kertas kerana buku dan kertas tidak menghasilkan cahaya yang berkelip, kontras dan silau seperti komputer (Arma Noor 2019).

Seterusnya, hasil perbandingan juga menunjukkan bahawa pelajar luar bandar menghadapi cabaran untuk mengakses internet dengan baik kerana kawasan luar bandar tidak mempunyai infrastruktur internet yang memadai yang menyebabkan akses kepada rangkaian jalur lebar menjadi lemah berbanding kawasan bandar namun, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin menyebut gangguan internet di kawasan pedalaman adalah lemah dan akan diberi tumpuan dalam pembangunan infrastruktur komunikasi yang menyeluruh melalui penyediaan liputan jalur lebar yang menggunakan pelbagai teknologi membabitkan talian tetap dan mudah alih (Berita Harian 2020). Oleh yang demikian, apabila akses kepada capaian internet pelajar luar bandar menjadi satu cabaran, pelajar akan lebih tertekan dan beremosi kerana pembelajaran tidak dapat berjalan dengan lancar seperti yang dijelaskan oleh Hamdi, Fatimah & Sabri (2021) bahawa pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan sempurna disebabkan akses kepada capaian internet yang kurang baik.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penjagaan emosi ketika belajar atas talian adalah penting untuk dititikberatkan supaya pelajar dapat menjaga kesejahteraan mental seperti pengurusan emosi dalam diri. Penjagaan emosi dalam diri pelajar adalah penting bagi mengekalkan fokus pelajar dalam pembelajaran dan seterusnya memberikan impak yang positif terhadap kejayaan pelajar. Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini menyimpulkan bahawa pelajar lebih cenderung untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka berbanding atas talian kerana pembelajaran atas talian memberikan implikasi yang signifikan terhadap emosi pelajar. Antara perkara yang menjadi permasalahan dalam kalangan pelajar adalah pembelajaran maya mengurangkan interaksi sosial dalam kalangan pelajar dan penggunaan komputer terlalu lama membuatkan badan mereka penat. Di samping itu, pelajar juga terbeban dengan komitmen pembelajaran dan komitmen keluarga dalam satu masa apabila mereka berada di rumah. Maka, permasalahan ini sedikit sebanyak boleh menyebabkan pelajar untuk kurang bermotivasi dalam pembelajaran.

Walaupun begitu, kajian ini juga melihat bahawa di sebalik cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran atas talian, pelajar bersetuju dan mengakui bahawa pembelajaran secara atas talian juga memberikan kesan yang positif dalam pencapaian akademik mereka. Pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan prestasi akademik mereka juga meningkat jika ingin dibandingkan dengan pembelajaran secara bersemuka. Selain itu, kajian juga mengkaji faktor yang

boleh mempengaruhi reaksi emosi pelajar dan dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran sahaja yang mempengaruhi emosi pelajar manakala faktor keluarga dan rakan sebaya tidak mengganggu emosi pelajar. Oleh yang demikian, berdasarkan penelitian daripada hasil kajian, kajian ini mencadangkan supaya pembelajaran dilakukan secara hybrid iaitu pembelajaran secara bersemuka dan secara atas talian. Hal ini kerana, pelajar dilihat lebih sesuai dengan dua kaedah pembelajaran disebabkan oleh pembelajaran hybrid memberikan manfaat kepada pelajar dan memudahkan mereka untuk menyesuaikan jadual pembelajaran mengikut keperluan mereka.

RUJUKAN

- Abdul Rashid, Amin al-Haadi, Zuraina Ali & Noor Dahiah. 2020. Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(12): 31-44.
- Abdul Rashid. 2023. Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8 (1): 1-23.
- Arma Noor. 2019. *Apakah itu sindrom penghayatan komputer?* Pusat Kesihatan Universiti UPM https://pku.upm.edu.my/artikel/apakah_itu_sindrom_penglihatan_komputer-54057 [16 Disember 2023].
- Aisyah Humairak, Mariam Majid & Nurzatil Ismah. 2022. Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen menurut Perspektif Islam: Tinjauan Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Islam* 15(2): 15-33.
- Arif & Sa'odah Ahmad. 2019. Persepsi Tekanan Akademik dan Kesejahteraan Diri di dalam Kalangan Pelajar Universiti di Serdang, Selangor. *Journal of Social Science* 5(1): 24-36.
- Asep Andi Rahman & Imas Masripah. 2021. Kecerdasan Emosi Anak Usia Dini dapat Mempengaruhi Pendidikan Agama Islam Pada Usia Remajanya. *Atthulab: Islamic Religion Teaching and Learning Journal*, 6 (2), 222-231.
- Awang, Hadenan & Abdul Razak. 2021. Kesejahteraan Keluarga menurut Maqasid Shariah dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*. 1(2).163-185.
- Berita Harian. 2020. *Internet lemah di kurang 20 peratus kawasan luar bandar*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/717439/internet-lemah-di-kurang-20-peratus-kawasan-luar-bandar> [16 Disember 2020].
- Fairuz Jafar, Zetty Akmar, Mohd Faiz, Mat Rahimi, Hapini Awang. 2020. *Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19*. Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan, 20 Oktober 2020.
- Firman Mansir & Abdul Karim. 2020. Islamic Education Learning Approaches in Shaping Students' Emotional Intelligence in the Digital Age. *Hayula. Indonesian Journal of Multidisciplinary Islamic Studies* 4 (1): Januari 2020.
- Hamdi Ishak, Siti Fatimah, Sabri Mohamad. 2021. Pengajaran Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah Secara Maya Semasa Pandemik Covid-19. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 7 (1): 50-57.
- Hardiyanti Rahmah. 2021. Konsep Berpikir Positif (Husnuzhon) dalam Meningkatkan Kemampuan Self Healing. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan Dan Kemasyarakatan* 15 (2): 118-126.
- Harmalis. 2022. Regulasi Emosi dalam Perspektif Islam. *Journal on Education* 4(4): 1781-1788.

- Hazaila Hassan, Azana Hafizah Mohd Aman, Sharifah Dora Syed Abdul Bahri & Noorziha Mohd Kasirun. 2020. *Pandemik, Pembelajaran Secara Dalam Talian: Kesan Psikologi Pelajar. Kongres dan Pertandingan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. (kNovasi) 2021 Evolusi ke Arah Pembelajaran Tanpa Sempadan: Langkah Ke hadapan, hlm. 20-23.
- Haziyah Hussin, Najah Nadiyah, Nur Farhana, Hasanah, A`Dawiyah Ismail & Zamzuri Zakaria. 2020. *Pembinaan Model Pentaksiran Alternatif Digital dalam Pengajian Islam. Penyelidikan Khas Top Down UKM: Pengajaran Dan Pembelajaran*, UKM GPK-P&P-2020-009.
- Isabel Padron, Isabel Fraga, Lucia, Carlos & Estrella Romero. 2021. A Study on the Psychological Wound of COVID-19 in University Students. *Front Psychol.* 12:589927.
- Jamiaah, Nurfarahain & Juwairiah. *Pengawalan Ibu bapa berkerjaya terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak: satu kajian kes*. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*: 49-68.
- Kamal Azmi, Sakinah Salleh, Rosni Wazir, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Auf Iqbal. 2020. Kajian Systematic Literature Review (SLR) Tentang Kesihatan Mental di Malaysia Semasa Pandemik Covid-19: Systematic Literature Review (SLR) on Mental Health in Malaysia During the Covid-19 Pandemic. *Sains Insani* 6(3).
- Krejcie & Morgan. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3), 607-610.
- Ma'rof Redzuan. 2001. *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Marhamah Mohamed & Ku Suhaila. 2021. *Meneroka Kesejahteraan Mental dan Emosi Pelajar Sekolah Menengah Semasa Pandemik Covid-19 melalui Kaunseling Kelompok Psikopendidikan*. Prosiding Seminar Kaunseling Sains Sosial & Pendidikan (SKSSP) 2021, hlm. 126-144.
- Mariam Abd Majid, Noor Hafizah, Abur Hamdi, Nurzatil Ismah, Noraini & Zainab Ismail. *Program Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor Era Pandemik Covid-19*. Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (IRMIC), hlm. 262-276.
- Mazlan Ibrahim, Fariza Md Sham & Aguswan Rasyid. 2021. *Tingkah Laku Manusia dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Afif, Muhammad Talhah, Sharul Fitry & Muhammad Na'im Iman. 2019. *Pengaruh Hassan Al Banna dalam Pembentukan Jati Diri Muslim*. Conference: The Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference.
- Nazneen Ismail. 2014. *Psikologi Islam*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Noor Izzati, Fariza & Adawiyah. 2019. Stres Menurut Sarjana Barat dan Islam. *International Journal of Islamic Thought* 16: 85-97.
- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. 2018. Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika* 88(2) :81-94.
- Norhana Ahad, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Aslinda Mohd Noor & Zazalli Lazin. 2020. Analisis Faktor Tekanan Yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor Ketika Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2 (3): 158-172.
- Nurulaneeyamirah Razali. 2017. *Pengurusan Emosi Dalam Kalangan Wanita Infertiliti Menurut Islam Di Hospital Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurzatil Ismah & Zulkifli Mohd Yusoff. 2020. Keutuhan Keimanan Jati Diri Remaja Melalui Kisah dalam Al-Quran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*: 68-93.

- Nurzatil Ismah, Mariam Abd Majid, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman Noor Hafizah, Aisyah Humairak. Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 9 (2): 59-74.
- Nurzatil Ismah, Mohd Yakub & Zulkifli Mohd Yusoff. 2019. *Pembentukan Jati Diri menurut Perspektif al-Quran: Analisis terhadap Kisah Nabi Ibrahim AS*. 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019). 5& 6 November 2019.
- Rizqa Nur Hamidah, Noneng Siti Rosidah. 2021. *Konsep Kesehatan Mental Remaja Perspektif Islam*.
- Sapora, Khatijah & Othman. 2013. *Stress Punca, Teori dan Pengurusan Efektif*. Negeri Sembilan; Penerbit USIM.
- Siti Astri, Zeti Yasmira, Zahiri Awang, Norwati & Hilmy Baihaqy. 2022. Pembelajaran dalam Era Pandemik Covid-19 di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 8(2), 2022 56-75.
- Siti Khadijah, Mohd Izwan & Mohd Khalid. 2022. Kesan pandemik covid-19 terhadap kesihatan mental masyarakat di Malaysia: Kajian sorotan literatur sistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4 (2): 252-268.
- Soon Mui Peng & Shahlan Surat. 2021. Kajian Tinjauan Sistematik: Pandemik Covid-19: Impak Terhadap Kesihatan Mental Pelajar [Impact of Covid-19 Pandemic on The Students' Mental Health A Systematic Review Study]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(2), 98-108.
- Sri Nurhayati, Fonny Dameati & Noor Aishah. Pengaruh Stres Akademik, Daya Tindak dan Adaptasi Sosial Budaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 7(2): 36-57.
- Syafiqah Abirerah & Najah Nadiyah Amran. 2020. Kestabilan Emosi dan Cabaran Kehidupan Golongan Armalah. *Jurnal al-Turath*. Vol 5(1): 11-20.
- Syibrah, Kamarudin & Nozira. 2022. Amalan Kerohanian Merawat Tekanan Emosi Pesakit Covid-19. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 8(1): 75-92.
- Tan & Maizura Yasin. Parents' Roles and Parenting Styles on Shaping Children's Maorality. 2020. *Universal Journal of Educational research* 70-76.
- Tuan Iqbal, Najihah Wahid, Anas Mohd Yunus, Zurita Yusoff & Mohd Rahim. 2022. Faktor Kemurungan di Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization* 1(1): 128-146.
- Wafi Ramli & Sharifah Rohayah. 2020. Faktor Tekanan dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Science and Humanities* 17(7): 66-76.
- Yakcop Jantan. 2017. *Pengaruh Pengetua, Guru, Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Penggunaan Internet dalam Membentuk Kefahaman dan Amalan Sahsiah Pelajar*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Kepimpinan Pendidikan Pendidikan: Universiti Malaya.
- Yamini Chandra. 2020. *Online education during COVID-19: Perception of Academic Stress and Emotional Intelligence Coping Strategies Among College Students*. Mumbai: Narsee monjee Institute of Management Studies.
- Zuraidah, Siti Nafsiah, Salwati, Shahril Nizam & Faizal. 2019. Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 6 (2): 44-70.